

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 23 MAC 2017 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Most Malaysians unaware of country's achievements in producing innovative product	New Straits Times Online
2.	Perlekeh inovasi anak watan	Harian Metro
3.	Parlimen: Pelan strategik industri angkasa bakal diwujud	BERNAMA
4.	Nuklear: Pandangan masyarakat penting	Utusan Malaysia
5.	Menanti satelit RazakSat2	Utusan Malaysia
6.	Cyber crimes continue to be on the rise, says DPM	The Star
7.	No truth in message on temperature	The Star
8.	Perangi manipulasi tayar celup ancam nyawa pengguna	Berita Harian

**BERITA ONLINE  
NST.COM.MY  
TARIKH: 23 MAC 2017 (KHAMIS)**

# **NEW STRAITS TIMES**

## **Most Malaysians unaware of country's achievements in producing innovative product**



**Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau after a handing over ceremony for the Mosti Social Innovation (MSI)/MyAgrosis Farm at Universiti Utara Malaysia (UUM), here today**

**SINTOK:** Most Malaysians are unaware of the country's achievements despite Malaysia having made great strides in producing high technology and innovative

**Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** said some of Malaysian products are widely used all over the world, including seismic rubber bearings used to reduce the impact of earthquakes in buildings.

Wilfred said the innovative product by the Malaysian Rubber Institute in London, has been used in many countries including New Zealand.

"I do not think many Malaysians know that the rubber bearings are produced in Klang, Selangor," he told reporters after a handing over ceremony for the Mosti Social Innovation (MSI)/MyAgrosis Farm at Universiti Utara Malaysia (UUM), here today.

The 'Cendawan Kukur' fungal farm was part of an agro-preneur project by Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) and the university.

He said Malaysians should learn from the South Koreans, who are proud to use their own products and technology.

"We must emulate the South Koreans in prioritising our own products and technology and this will further promote our technology to the world," he said.

Wilfred also said the ministry is working hard to ensure the quality of Malaysian products through new innovative programmes such as the MSI, which was made with universities and local communities.

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 43  
TARIKH: 23 MAC 2017 (KHAMIS)**



WILFRED (dua kiri) bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM Prof Dr Noor Azizi Ismail (kanan) melihat projek cendawan kukur di Agrofarm UUM.

# Perlekeh inovasi anak watan

## ■ Teknologi bermutu tinggi gagal berkembang

Aizat Sharif

mohd.aizat@hmetro.com.my

### Sintok

**S**ikap tidak yakin terhadap kebolehan teknologi dihasilkan teknologi tempatan membuatkan banyak inovasi teknologi bermutu tinggi negara ini gagal dikembangkan untuk manfaat umum.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, rakyat Malaysia secara amnya tidak begitu menghargai atau menyakini inovasi teknologi dihasilkan anak tempatan.

"Walaupun inovasi teknologi yang dihasilkan di negara ini bermutu tinggi dan mampu diperkenalkan ke peringkat antarabangsa, tidak ramai yang begitu yakin dengan kemampuan yang kita miliki.

"Lihat saja Korea Selatan,

rakyat mereka begitu patriotik dan menghargai inovasi teknologi yang dihasilkan negara mereka dan disebabkan itulah inovasi teknologi berkenaan kelihatan bertebaran di seluruh dunia menerusi pelbagai produk bukan saja telekomunikasi, tetapi elektrik dan pengangkutan," kata-

nya.  
Beliau berkata demikian selepas melancarkan Majlis Program Inovasi Sosial MOSTI (MSI)-Program Kesedaran Keusahawanan dan Ekonomi Pertanian Untuk Membantu Mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Projek Tanaman Cendawan Kukur di Agrofarm UUM, di sini, semalam.

Beliau berkata, Malaysia banyak menghasilkan inovasi teknologi yang ber-

manfaat kepada masyarakat seperti alat penyerap gempa bumi atau seismic bearing dihasilkan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di London.

"Hasil kajian dan teknologi RRIM, kami mengeluarkan produk inovasi getah dari kilang kami di Klang.

"Menariknya, bangunan Parlimen New Zealand menggunakan seismic bearing yang dihasilkan kami," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai majlis berkenaan Wilfred berkata, kajian dan penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MAR-DI) menghasilkan teknologi pemberian cendawan kukur menggunakan bioreaktor dalam persekitaran yang terkawal.

**FAKTA**  
**RRIM di London**  
**hasilkan alat**  
**penyerap**  
**gempa bumi**

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 23 MAC 2017 (KHAMIS)**



## **Parlimen: Pelan Strategik Industri Angkasa Bakal Diwujud**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** akan mewujudkan pelan strategik industri angkasa bagi menggerakkan industri angkasa tempatan.

**Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata pelan itu akan dibangunkan bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO).

"Di samping itu juga, penyelidikan dan pembangunan (R&D), infrastruktur dan pembangunan kepakaran akan diperkasa bagi menyokong hasrat negara ini menjadi sebuah negara yang berpaksikan sains, teknologi dan inovasi.

"Mosti juga akan terus memperkuatkannya kerjasama dan jaringan hubungan antarabangsa dalam sektor angkasa," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Julian Tan Kok Ping (DAP-Stampin) yang ingin tahu mengenai rancangan kerajaan terhadap Dasar Angkasa Negara dan status perkembangan, objektif projek dan penyelidikan berkaitan inisiatif itu.

Sementara itu, Dr Abu Bakar berkata Mosti turut menjalankan projek penyelidikan menjurus kepada pembangunan teknologi dan aplikasi angkasa yang mempunyai impak signifikan kepada negara.

Menurutnya penyelidikan itu memberi fokus kepada tiga bidang utama iaitu merangkumi komunikasi, penderiaan jauh dan navigasi.

"Gabungan ketiga-tiga bidang ini dapat membantu dan menyumbang kepada keupayaan dan keperluan kritikal negara seperti perancangan dan pengurusan sumber asli dan alam sekitar, ramalan cuaca dan iklim, operasi mencari dan menyelamat, pengurusan bencana dan keselamatan," katanya.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)**

## Nuklear: Pandangan masyarakat penting

**SHIKOKU 22 Mac** - Pandangan dan penerimaan masyarakat merupakan elemen utama yang diambil kira oleh kerajaan Malaysia bagi menerokai apa jua sumber tenaga baharu untuk negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Zaini Ujang berkata, ini termasuk cadangan untuk membina loji tenaga nuklear di Malaysia walaupun kerajaan masih belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

"Walaupun Jepun telah memulakan loji tenaga nuklear lebih 50 tahun, tetapi penerimaan masyarakat semakin berkurangan akibat tragedi yang berlaku di Fukushima pada 2011.

"Kita mahu mengkaji bagaimana Jepun menangani perkara ini apabila lebih sebahagian rakyatnya hilang kepercayaan kepada sumber tenaga tersebut atas dasar keselamatan," katanya selepas lawatan ke Stesen Tenaga Nuklear Ikata di sini.

Beliau mengetuai seramai 24 delegasi Malaysia berada di Jepun dalam rangka Lawatan Kerja Pemahaman Umum Tenaga Nuklear atas jemputan Pusat Kerjasama Antarabangsa (JAIF) Forum Industri Atom Jepun (JICC) bermula Isnin lalu.

Turut menyertai delegasi itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian



MUHAMAD AMIRUL  
AFIQ MASTOR

Melaporkan dari TOKYO, JEPUN

tian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah; Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Allauddin Anuar dan Ketua Eksekutif Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC), Dr. Mohd. Zamzam Jaafar.

Zaini berkata, Malaysia boleh meneroka sumber tenaga baharu seperti nuklear kerana sumber tenaga itu lebih murah dan stabil untuk tempoh yang panjang berbanding bahan api lain seperti gas dan arang batu.

Menurutnya, bekalan uranium yang banyak terdapat di dunia antara sebab harga bahan itu kekal stabil dan hanya sedikit digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik yang banyak.

"Misalnya, sebidang tanah berkeluasan 4.2 kilometer persegi yang dibangunkan loji tenaga nuklear mampu menjana elektrik ke lapan juta rumah berbanding menggunakan tenaga lain sama ada solar atau angin," katanya.



STESEN Tenaga Nuklear Ikata, Shikoku, Jepun antara tempat dilawati oleh delegasi Malaysia yang diketuai oleh Dr. Zaini Ujang.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 10**  
**TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)**

# MENANTI SATELIT RAZAKSAT2



**GERBANG GLOBAL**

AZMI HASSAN

**T**IDAK dapat dinafikan matlamat tersurat kebanyakannya pameran berkaitan pertahanan termasuk Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2017 (LIMA '17) yang sedang berlangsung ketika ini adalah menjurus kepada kepentingan ekonomi.

Apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menegaskan beberapa kontrak pertahanan bernilai RM9 bilion dijangka dimuktamadkan semasa LIMA '17, ini adalah manifestasi betapa pentingnya permaian seumpama itu.

Tidak kurang pentingnya LIMA '17 adalah juga median untuk mempamerkan keakraban persefahaman pertahanan angkatan tentera negara terbabit seperti Amerika Syarikat (AS), Rusia, Korea Selatan, Indonesia dan Singapura dengan angkatan tentera negara penganjur iaitu Malaysia.

Apabila yang tersirat LIMA '17 adalah landasan terbaik untuk menonjolkan bukan sahaja kehebatan aset pertahanan tetapi juga kecekapan anggota yang menggalik.

Sebab itu juga pertunjukan udara daripada beberapa pasukan seperti Dassault Rafale (Perancis), Knights Su-30SM (Rusia), Team Jupiter (Indonesia), Black Eagles (Korea Selatan), Sarang (India) dan juga beberapa kumpulan dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bukan semata-mata untuk mempamerkan kehebatan aset yang dimiliki tetapi juga kecekapan dan disiplin anggotanya yang akan memberi tanggapan positif terhadap organisasi pertahanan negara berkenaan.

Kesemua matlamat tersurat dan tersirat LIMA '17 dapat diter-

jemahkan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan Malaysia tidak akan berkompromi dalam hal bersangkut paut dengan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) agar tahap kesiapsiagaan sentiasa berada pada tahap tertinggi.

"Di Malaysia kami memandang serius perkara ini dengan memperuntukkan sehingga RM26 bilion dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) untuk cabang pertahanan, keselamatan dan penguatkuasaan. Pertahanan dan keselamatan adalah perkara terpenting kerana wujud keutamaan untuk mengekalkan integriti serta kedaulatan sesebuah negara," tegar beliau ketika berucap merañasikan LIMA '17.

Kenyataan Perdana Menteri tersebut walaupun dianggap perkara lazim tetapi rakyat Malaysia amat mengerti terutama dalam keadaan negara yang sentiasa merenerima cabaran dan tekanan dari negara luar.

Walaupun cabaran tersebut lebih menjurus kepada hal percuturan diplomatik antarabangsa, tetapi setidak-tidaknya kekuatan aset pertahanan mampu meredakan keresahan rakyat umum.

Jika LIMA '17 mendapat liputan meluas daripada semua pihak kerana kaitan rapatnya dengan sektor pertahanan, menarik juga jika dikaitkan dengan pengumuman kewujudan Dasar Angkasa Negara (DAN) 2030 oleh Perdana Menteri pada awal Februari lepas.

Apabila Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed mengumumkan di LIMA '17 bahawa industri aeroangkasa negara dijangka meningkat tujuh peratus tahun ini, pengumuman tersebut dianggap bersesuaian kerana industri aeroangkasa berkait rapat dengan sektor pertahanan.

Memang benar DAN 2030 khusus untuk membangunkan sektor angkasa lepas tetapi amat berkait rapat dengan sektor aeroangkasa

**KEMAMPUAN satelit RazakSat2 yang bakal dibina bukan sahaja akan memenuhi keperluan saintifik dan ekonomi negara malah akan mempunyai ciri-ciri khas untuk sektor pertahanan. - GAMBAR HIASAN**



sa. Sebab itu dihujahkan apabila Perdana Menteri memberi penekanan kepada cabang pertahanan, keselamatan dan penguatkuasaan ianya tidak hanya merangkumi bidang aeroangkasa tetapi juga angkasa lepas.

Mungkin ramai yang tertanya-tanya apakah kekuatan aset angkasa lepas yang dimiliki negara berbanding negara kuasa besar seperti AS, Rusia dan China?

Malaysia tanpa banyak disedari oleh rakyat juga mempunyai kekuatan tersendiri dalam teknologi angkasa dan tidak keterlaluan jika diandaikan kekuatan negara dalam bidang tersebut adalah terbalik bukan sahaja dalam kalangan negara ASEAN malah merangkumi negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Aset teknologi angkasa lepas paling berharga yang dimiliki oleh Malaysia pada ketika ini ialah satelit *remote sensing* yang dinamakan RazakSat. Satelit tersebut yang dilancarkan pada 14 Julai 2009 mempunyai kemampuan membezakan objek di bumi sekecil 2.5 meter.

Kehebatan satelit RazakSat sebenarnya boleh digunakan secara optimum untuk memperkasakan dasar luar Malaysia. Lebih tepat lagi kedaulatan wilayah Malaysia seperti di Terumbu Ubi, Mantanani, Siput, Peninjau dan Pulau Layang-Layang di gugusan Kepulauan Spratly Laut China Selatan mampu diperkuatkan lagi dengan bantuan satelit RazakSat.

China pada asalnya hanya mempunyai tiga satelit khas untuk memantau kawasan pertai-

an maritim ini tetapi kini telah mempunyai sekurang-kurang 11 satelit.

Jangka hayat satelit RazakSat sudah pun tamat dan banyak pengajaran yang telah diperoleh daripada pembangunan satelit tersebut. Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk membangunkan satelit baharu menggunakan RazakSat.

Sekali lagi Agensi Angkasa Negara (Angkasa) dan Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan satelit yang bakal dinamakan RazakSat2.

Pembangunan RazakSat2 dijangka dilaksanakan 100 peratus oleh pakar kejuruteraan dan saintis dalam negara kerana ATSB telah puln memiliki kapakan yang tersendiri.

Mungkin masih ada yang mempersoalkan apakah sangat istimewanya ciri satelit RazakSat2 kerana di angkasa lepas pada ketika ini terdapat lebih 3,000 satelit mengelilingi bumi. Mana mungkin dengan hanya satu satelit milik negara sudah mampu memberi kelebihan kepada kepentingan geostrategik negara.

Sebab itu ditekankan seperti mana yang tersirat dalam kandungan DAN 2030, ciri-ciri yang bakal dimiliki oleh satelit RazakSat2 bukan sahaja akan memenuhi keperluan saintifik dan ekonomi tetapi juga mempunyai ciri-ciri yang boleh digunakan dalam sektor pertahanan.

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 22  
TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)

## Cyber crimes continue to be on the rise, says DPM

CASES of cyber crimes continue to increase – from 9,085 cases in 2015 to 11,186 last year, the Dewan Rakyat was told.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said based on police statistics, a total loss of RM212.82mil was recorded last year due to cyber crimes, compared to RM179.27mil in 2015.

The increase in cases and losses recorded showed that cyber crimes are a huge threat to the country, said Ahmad Zahid, who is also the Home Minister, in a written reply to a question posed by Dr Tan Seng Giau (DAP-Kepong).

Dr Tan asked for the latest figure on cyber crimes and measures taken to curb the problem.

Dr Ahmad Zahid said to further improve the effectiveness in combating cyber crimes, the police would continue to work closely with the Malaysian Communications and Multimedia Commission, **Cyber Security Malaysia**, internet service providers and other agencies.

"The police will also cooperate with application providers such as Google, Facebook, Twitter and international enforcement agencies," he said.



**Mutual interest:** Pandikar Amin Mulia (third from right) holding discussions with Chung (third from left) during the South Korean delegation's visit to the Parliament. — Bernama

## Seoul concerned about M'sians stuck up North

THE safe return of Malaysians stuck in North Korea is of utmost concern to South Koreans.

South Korean National Assembly Speaker Chung Sye-kyun said it was their hope that the remaining nine Malaysians, comprising diplomatic staff and their families, would be able to return home safely soon.

The most important thing is that the Malaysian people can come back to their own country safely, he added.

"And I think that will happen

very soon," he told reporters after paying a courtesy visit to Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Pandikar Amin Mulia in Parliament yesterday.

He also commended Malaysia's handling of the case involving the murder of North Korean Kim Jong-nam.

"The Malaysian Government has been very fair and reasonable in dealing with this matter.

"We are confident the Malaysian Government will maintain that

position in the future," Chung added.

"And everything should return to normal very soon."

He was commenting on Malaysia's handling of the Jong-nam murder case, praising Malaysia's role in the saga that had resulted in strained relations with North Korea.

Jong-nam, who is the half-brother of North Korean leader Kim Jong-un, was murdered at KLIA2 on Feb 13 with the VX nerve agent.

**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 04  
TARIKH: 23 MAC 2017 (KHAMIS)**

## No truth in message on temperature

PETALING JAYA: The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) has rubbed a WhatsApp message claiming that temperatures in the country, Singapore and Indonesia will shoot up to 40°C for the next two weeks.

The message, which is being widely circulated, claimed that the high temperature is due to the Equinox phenomenon.

An equinox is the moment in which the plane of Earth's equator passes through the centre of the Sun, and which occurs twice each year, around March 20 and Sept 23.

MetMalaysia director-general Datuk Che Gayah Ismail said temperatures in Malaysia would be stable.

She said that the reading would be a maximum of 35°C between 2pm and 4pm daily.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (INTERAKTIF) : MUKA SURAT 45**  
**TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)**

# Perangi manipulasi tayar celup ancam nyawa pengguna



*Serpihan tayar atas jalan raya boleh mengakibatkan kemalangan kepada pengguna lain.*

Hujung tahun lalu, kita dijempar dengan berita kemalangan maut yang berpunca daripada tayar pecah. Lebih memilukan apabila enam sekeluarga maut akibat kemalangan itu. Kira-kira seminggu kemudian, sekali lagi kita digemparkan dengan kemalangan yang berpunca daripada tayar pecah.

Apakah punca tayar kenderaan pecah? Perkara ini amat membimbangkan kerana ia membabitkan soal keselamatan pengguna kenderaan yang lain. Berapa banyak lagi nyawa yang tidak bersahabat berdepan dengan kemalangan ngeri sebegini?

Baru-baru ini pihak berkusa melakukan operasi bersepadu dalam memerangi tayar celup selepas mengambil kira kebanyakannya kemalangan membabitkan kenderaan berat, membabitkan kegagalan tayar dan pelanggaran serpihan tayar di lebuh raya. Menurut

pihak PLUS Malaysia Berhad, sebanyak 1,485 kes kemalangan tahun lalu disebabkan perlenggaran objek yang mana 41.3 peratus objek berkenaan adalah tayar. Ham-pir separuh peratus kemalangan adalah berpunca daripada perlenggaran serpihan tayar.

Melalui operasi bersepadu ini, pihak berkusa berjaya menggesa pihak tidak bertanggungjawab mewajahkan label SIRIM pada tayar celup yang tidak mengikut standard piawai keselamatan ditetapkan.

#### Palsukan label SIRIM

Jika mereka dapat memalsukan label **SIRIM**, tidak mustahil jika mereka boleh menipu pengguna dengan menukar tayar celup dengan tayar toroh. Ia tidak mustahil kerana pengguna yang tidak latar belakang teknikal mengenai getah, sudah pasti tidak akan dapat membezakan tayar celup dengan

tayar toroh.

Bagaimana pula dengan pengguna yang lebih memilih untuk membeli tayar asli? Bagaimana jika ada pihak yang tidak bertanggungjawab menukar tayar asli dengan tayar celup? Mereka bayar harga untuk tayar asli tetapi mendapat tayar celup. Adilakah untuk mereka yang cukup mempertingkatkan soal keselamatan tayar tetapi mereka dapat tayar yang tidak menelepati standard keselamatan?

Pihak berkusa perlu bekerjasama dalam membuat program kesedaran mengenai penggunaan tayar celup. Tayar celup mungkin mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna kerana faktor harganya lebih murah, tetapi pihak yang terbabit dalam pembuatan tayar celup ini perlu memaklumkan kepada pengguna mengenai penggunaan tayar celup yang betul supaya tahap keselamatan-nya kekal seperti penggunaan ta-

yar asli.

Selain itu, pengguna juga perlu didekahkan mengenai label yang terdapat pada tayar asli sebagai contoh tahun pembuatan tayar tersebut. Masih ramai pengguna belum sedar dan tahu kewujudan label tarikh pembuatan tayar. Pihak tidak bertanggungjawab mungkin akan mengambil kesempatan dengan menghabiskan stok tayar lama sebelum mula menjual stok baharu.

Pada zaman ekonomi yang sedang meruncing ini, pengguna akan lebih prihatin dengan isu harga. Diharap pihak yang berkaitan tidak memanipulasi soal harga dengan soal keselamatan. Walaupun harga tayar celup jauh lebih murah berbanding tayar asli, tetapi soal keselamatan tayar tersebut tidak boleh dipandang ringan.

Ia perlu mengikut standard piawai yang ditetapkan iaitu MS 224

Retreaded Pneumatic Rubber Tyres for Passenger Cars and Commercial Vehicles-Specification. Di-harap pihak berkusa dapat memantau tahap keselamatan tayar celup di pasaran dengan lebih ketrap dan memperketatkan tahap penguasaan ke atas tayar celup.

Walaupun punca bidang kuasa di dalam kes pemalsuan tayar celup itu sendiri amat mengelirukan pengguna, diharap pihak berkusa dapat bekerjasama memberi program kesedaran mengenai tayar celup selamat kepada pengguna supaya pihak tertentu tidak mengambil kesempatan untuk memanipulasi tayar celup yang mana akhir sekali, pengguna yang mendapat padahnya.

 **Nur Asyikin Aminuddin,**  
Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia